

BH PILIH L2 19 (emel)

MUTIARA KATA

"Semasa perlembagaan sedang dirangka, pemimpin-pemimpin kita telah memutuskan bahawa sebuah negara Asia yang merdeka tidak dapat terus menggunakan bahasa Inggeris sebagai bahasa rasmi jika ia hendak menyatupadukan penduduknya. Dengan itu, mereka bersetuju bahawa hendaklah dimaktubkan dalam perlembagaan bahawa mesti diadakan satu bahasa kebangsaan dan bahasa itu mestilah bahasa Melayu..."

Tun Mohd. Suffian Hashim,
 Mengenal Perlembagaan
 Malaysia, 1943

SIDANG EDITOR

PENAUANG

Ketua Pengarah DBP

PENASIHAT

Rusli Abd Ghani,
 Ketua Bahagian Pengembangan
 Bahasa Melayu, DBP

KETUA EDITOR

Rohayu Ismail,
 (ayu@dbp.gov.my).

TIMBALAN KETUA EDITOR

Siti Ruzaiha Mohd Riffin,
 (ruzhaiha@dbp.gov.my).

EDITOR DBP

Wan Mohd Saophy Amizul Wan
 Mansor,
 (amizul@dbp.gov.my)

Roziyah Mohd. Yunus,
 (roziyah@dbp.gov.my).

Norazlinda binti Misran,
 (linda_m@dbp.gov.my)

Fatimah Zahrin Mohd Taib,
 (fatimah@dbp.gov.my).

PROMOSI

Razali Che Mat,
 (razali@dbp.gov.my).

PENYELARAS LAMAN WEB

Norawati Jalaluddin,
 (nora1@dbp.gov.my).

EDITOR DAWAMA SDN. BHD.

Norida Jalaluddin,
 (norida@dawama.com).

EDITOR SASTERA BHSB

Salbiah Ani,
 (bhsastera@nstp.com.my).

REKA LETAK

Ahmad Radi Harun
 Abdul Aziz Mokhtar

PENGIKLANAN

Angeline Poon
 (angiepoon@nstp.com.my).

FOTO

Unit Seni Foto DBP

DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA,
 Jalan Dewan Bahasa,
 50460 Kuala Lumpur.
 Tel.: 03-2148 2923
 Faks: 03-2142 2029

RENCANA EDITOR

Melestarikan Tulisan Jawi

Salam hormat kepada pembaca budiman,

Perkembangan sistem ejaan Jawi mutakhir (ada penulis menganggap "zaman kemurungan tulisan Jawi") bermula pada tahun 1963 apabila Akta Bahasa Kebangsaan mewartakan tulisan Rumi menjadi tulisan rasmi bagi bahasa Melayu yang secara tidak langsung meminggirkan tulisan Jawi. Mulai tahun itu, pengajaran tulisan Jawi sudah tidak ditekankan lagi di sekolah-sekolah. Begitu juga dalam urusan lain juga. Jumlah orang yang menguasai tulisan Jawi pun semakin berkurangan. Majalah, akhbar dan buku Jawi mulai kurang mendapat sambutan di pasaran.

Mengikut catatan, sejarah tulisan Jawi telah berkembang di Alam Melayu sejak ratusan tahun yang lampau. Walaupun tulisan lain seperti tulisan pengaruh India (berasal daripada tulisan Pallava India), tulisan Rencong dan tulisan Rumi/Latin pernah bertapak di alam Melayu, tulisan Jawi mendominasi jenis tulisan yang digunakan setelah kedatangan Islam. Banyak bahan-bahan tulisan Jawi yang sampai ke Tanah Melayu seperti kitab agama serta hikayat nabi dan para sahabat menggunakan sistem ejaan Jawi pengaruh Arab. Penemuan Batu Bersurat Terengganu yang bertarikh 22 Februari 1303 M menjadi bukti penggunaan tulisan Jawi di alam Melayu.

Yang menariknya prasasti tersebut ditulis menggunakan tulisan Jawi dengan pengaruh kaedah Melayu; iaitu penggunaan huruf vokal.

Sungguhpun begitu pencinta tulisan Jawi terus berusaha mempertahankan tulisan Jawi agar tidak pupus. Pelbagai usaha telah diadakan untuk menghidupkan terus tulisan Jawi, antaranya termasuklah mengadakan kajian dan seminar, serta menubuhkan jawatankuasa untuk mengkaji dan menyediakan laporan tentang sistem ejaan Jawi.

Pada minggu lepas telah berlangsung forum tulisan Jawi yang bertemakan "Pelestarian Tulisan Jawi di Malaysia", di Institut Latihan Islam Malaysia, Bangi. Antara tujuannya adalah untuk memupuk kesedaran dalam kalangan masyarakat tentang peritingnya

tulisan Jawi dalam sejarah peradaban bangsa. Forum ini juga diadakan untuk menguraikan kekeliruan yang timbul antara sistem penulisan Jawi terdahulu dan masa kini.

Hasilseminaryangdiadakan, sistem ejaan Jawi terus dimantapkan dan Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) sendiri sentiasa ke hadapan dalam usaha merancang, mengemaskan dan melestarikan tulisan Jawi. Akhirnya dapatlah disusun sistem ejaan Jawi yang baru berasaskan ejaan Za'ba. Sistem ejaan yang baharu ini merupakan penambahbaikan kepada Sistem Ejaan Za'ba. Perbezaan pendapat memang biasa wujud dalam proses percambahan ilmu. Semoga dengan muafakat yang ada, tulisan Jawi akan terus hidup dalam masyarakat, budaya dan tamadun Melayu. ayu@dbp.gov.my

Ketua Bahagian Pengembangan Bahasa Melayu, Rusli Abdul Ghani



"Alah Berbahasa Inggeris"

Pemenangnya ialah Pada awal bulan Oktober, Akademi Sains Diraja Sweden telah mengumumkan para penerima Hadiah Nobel 2008. Hadiah untuk pemenang termasuklah pingat emas, sijil dan 10 juta Kronor Sweden (kira-kira RM4.5 juta).

Senarai penerima anugerah berprestij ini tidaklah menggempar. Mungkin yang kontroversi sedikit ialah Jean-Marie Gustave Le Clézio, pemenang bidang Kesusasteraan.

Tidak ramai yang mengenali Le Clézio dan karya-karyanya. *Le procès-verbal* (1963), *L'Africain* (2004), *Ritournelle de la faim* (2008) belum lagi tersenarai dalam sebarang carta buku terlaris. Hasrat dunia sastera berbahasa Inggeris untuk melihat Philip Roth dinobatkan sebagai pemenang belum kesampaian. Mungkin tahun hadapan.

Hadiah ekonomi pula milik mutlak Paul Krugman. Tokoh ini memang kontroversial, kerana pandangan dan pegangan falsafah ekonominya, tetapi penganugerahan ini tidak dipertikaikan sesiapa pun. Beliau memang layak.

Senarai pemenang Nobel 2008 kali ini menyerlahkan sesuatu yang menarik. Daripada 12 orang tokoh yang menang: Yoichiro Nambu, Makoto Kobayashi dan Toshihide Maskawa (Fizik); Martin Chalfie dan Roger Tsien

(Kimia); Harald zur Hausen, Françoise Barré-Sinoussi dan Luc Montagnier (Fisiologi/Perubatan); Martti Ahtisaari (Keamanan); Jean-Marie Gustave Le Clézio (Kesusasteraan) dan Paul Krugman (Ekonomi), hanya tiga orang - Martin Chalfie, Roger Tsien dan Paul Krugman membesar dan membina kepakaran masing-masing dalam bahasa Inggeris. Yang lainnya melalui alam persekolahan dan mengharungi tahun-tahun formatif keilmuan dan ketokohan dalam budaya dan dengan bahasa ibunda masing-masing.

Yoichiro Nambu, Makoto Kobayashi dan Toshihide Maskawa dan Osamu Shimomura berketurunan Jepun. Harald zur Hausen, yang menemui virus papiloma manusia sebagai penyebab kanser serviks, orang Jerman. Françoise Barré-Sinoussi, Luc Montagnier dan Jean-Marie Gustave Le Clézio berbangsa Perancis, manakala Martti Ahtisaari orang Finland.

Osamu Shimomura, Martin Chalfie dan Roger Tsien berkongsi Hadiah Nobel bidang Kimia kerana kajian dan penemuan protein pendarfluor hijau atau ringkasnya GFP (Green Fluorescent Protein).

GFP, yang diasingkan daripada ampai-ampai *Aequorea victoria*, penting sebagai alat

penyelidikan dalam makmal. Dengan protein berpendar ini ahli biokimia dan pakar penyelidikan perubatan dapat memperlihatkan proses yang berlaku dalam sel organisma hidup.

Dengan demikian, perkembangan sel otak atau penyebaran sel barah dapat dijejaki dengan jelas dan mudah dalam badan manusia. Tidak perlu sebarang pembedahan intrusif.

Shimomura dilahirkan di Kyoto, Jepun pada tahun 1928, belajar di Kolej Farmasi Nagasaki dan kemudian di Universiti Nagoya sebelum ke Universiti Princeton pada tahun 1960.

Beliau terdidik dalam bahasa Jepun dan mengalami derita Perang Dunia Kedua. Pengalaman pahit dan perit pengeboman Nagasaki dirasainya sendiri. Akibat ledakan bom atom itu, beliau hilang penglihatan selama beberapa minggu.

Hakikat ini membina jati dirinya yang kental dan kukuh. Kata beliau, "Kebanyakan pengetahuan saya berpunca daripada kajian sendiri Jika anda menghadapi kesukaran, atasilah kesukaran itu. Jangan berputus asa."

Makoto Kobayashi dan Toshihide Maskawa dari Jepun dan Yoichiro Nambu dari Amerika Syarikat (lahir dan dibesarkan di Tokyo) menerima Hadiah Nobel kerana kajian teoretis mereka tentang sifat zarah-zarah asas pada peringkat subatom.

Kobayashi dan Nambu gembi-

ra sekali dengan penghormatan tersebut. Toshihide Maskawa hanya tersipu malu. Beliau dilaporkan tidak dapat hadir ke Stockholm untuk menerima hadiahnya Disember ini kerana belum memiliki pasport antarabangnya. Ahli sains yang pemalu ini tidak gemar ke luar negara. Beliau lebih selesa menghayati jujuk-jujuk atom dan merenungi alam semesta di bawah langit Kyoto.

Setiap kali kali Maskawa diundang untuk menerima anugerah atau membentangkan kertas kerja, beliau menolak. Makoto Kobayashi, rakan penyelidikannya, yang akan pergi. Sebabnya mudah sahaja. "Dia agak alahan untuk bertutur dalam bahasa Inggeris", sonda Akiko, isteri Maskawa.

Nyata sekali bahasa Inggeris bukan penentu kejayaan dalam penyelidikan mahupun penulisan. Yang penting ialah kejituan berfikir dan kemampuan menggarap konsep dan idea berdasarkan kerangka kognitif yang terbina berasaskan bahasa ibunda masing-masing.

Andainya kita masih lagi terkeliru dan terus-menerus ragu terhadap kemampuan kita untuk menanggapi fenomena persekitaran alam sendiri melalui kaca mata dan gerak naluri sendiri, bilakah agaknya kita akan menyaksikan anak bangsa Malaysia bangun untuk menerima Hadiah Nobel sebaik sahaja pengacara majlis mengumumkan "Pemenangnya ialah ...".

E-MEL

"Ucuptama" atau "Ucap Utama"

Saudara Ketua Editor,

Menurut *Kamus Dewan, Edisi Keempat*, "ucuptama" bermaksud ucapan penting. Adakah perkataan ini merupakan akro-

nim? Adakah betul jika ucuptama ditulis sebagai ucap utama? Sekian, terima kasih.

ngadarren108@yahoo.com

Saudara,
Kamus Dewan, Edisi Keempat

telah memasukkan kata ucuptama dan diberi makna sebagai ucapan penting yang mengandungi sesuatu soal dasar atau perkara pokok yang disampaikan terutamanya oleh pemimpin atau tokoh dalam sesuatu persidangan, seminar dan sebagainya. Kata ucuptama

merupakan akronim iaitu terhasil daripada gabungan suku kata dua perkataan (ucap utama) dan diujarkan sebagai satu perkataan. Walau bagaimanapun masyarakat diberi pilihan untuk menggunakan rangkai kata ucap utama dan hendaklah ditulis dengan dua perkataan.